

PERJANJIAN KONTRAKTOR DAN PELANGGAN

PERJANJIAN PADA _____ HARIBULAN _____ 20

ANTARA

**CRYSTAL SOLARIS SDN. BHD.
[NO. SYARIKAT: 201401040324 (1116472-H)]**

DAN

**.....SDN. BHD.
[NO. SYARIKAT:(.....)]**

**PERJANJIAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGOPERASI
DAN MENYELENGGARA SISTEM PENGAWASAN KEBAKARAN
AUTOMATIK ("SPKA")**

Perjanjian ini dibuat pada _____ hari bulan _____ 20_____.

ANTARA

CRYSTAL SOLARIS SDN. BHD. (No.Syarikat: 201401040324 (1116472-H)) suatu Syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 yang beralamat di A-13-1, Plaza Glomac, No. 6, Jalan SS7/19, Kalana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan ("**Syarikat**")

DAN

[**Nama Syarikat Pelanggan**] _____, Nombor Pelanggan (No.SSM: _____) suatu Syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 [alamat] ("**Pelanggan**")

LATAR BELAKANG

- A. Syarikat telah dilantik oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ("**KERAJAAN MALAYSIA**") untuk membangun, membekal, memasang, mengoperasi dan menyelenggara **Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik ("SPKA")** bagi tujuan pemantauan penggera kebakaran secara berpusat di seluruh Malaysia berdasarkan suatu Perjanjian yang dimeterai antara Syarikat dan **KERAJAAN MALAYSIA**.
- B. Pelanggan adalah pemilik, penghuni atau orang yang mempunyai kawalan ke atas suatu bangunan yang perlu disambungkan secara automatik ke Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mengikut undang-undang.
- C. Syarikat dan Pelanggan telah bersetuju mengikat Perjanjian bagi langgan perkhidmatan SPKA, bagi memenuhi kehendak undang-undang yang berkuat kuasa seperti terma berikut;



MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI OLEH PIHAK-PIHAK SEPERTI YANG BERIKUT:

1. TAFSIRAN

Istilah-istilah dibawah mempunyai maksud seperti berikut:

- 1.1 **"AI"** bermaksud teknologi kecerdasan buatan komputer yang berupaya dan berkemampuan untuk melaksanakan tugas yang memerlukan kepintaran manusia seperti mengenal data, membuat keputusan dan menyelesaikan masalah kompleks secara automatik.
- 1.2 **"CCTV"** bermaksud TV Litar Tertutup yang dipasang di premis dengan akses diberikan kepada Syarikat dan JBPM bagi tujuan pengesanan kebakaran, perubahan suhu dan asap bagi pengendalian SPKA.
- 1.3 **"IoT"** (*Internet of Things*) bermaksud internet kebendaan iaitu suatu rangkaian peranti fizikal yang dilengkapi sensor, perisian dan teknologi lain untuk berhubung serta bertukar data tanpa melibatkan campur tangan manusia dalam pengendalian dan operasi sesuatu sistem.
- 1.4 **"JBPM"** bermaksud Pusat Gerakan Operasi (PGO) atau Pusat Gerakan Operasi Kebangsaan (PGOK) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 1.5 **"KERAJAAN MALAYSIA"** bermaksud Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang beralamat di Lebuh Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya.
- 1.6 **"PBTPay"** atau **"BOMBAPay"** bermaksud satu hab pembayaran setempat yang dibangunkan oleh pihak Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan bagi membolehkan Pelanggan membuat pembayaran kepada pihak Syarikat untuk pemasangan SPKA.



- 1.7 **"Menaik taraf sistem"** bermaksud mengubahsuai atau mengintegrasikan SPKA dengan penggunaan teknologi terkini termasuk Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence – AI*), *Internet of Things (IoT)*, analitik data, automasi, sistem pembelajaran mesin (*machine learning*) serta apa-apa teknologi lain yang relevan dari semasa ke semasa bagi meningkatkan ketepatan pengesanan, pengurangan penggera palsu, kecekapan pemantauan dan kebolehpercayaan penghantaran isyarat kebakaran.
- 1.8 **"Perkhidmatan"** bermaksud semua perkhidmatan pemasangan, pengaktifan, penyambungan, pemantauan, penyelenggaraan, sokongan dan operasi berkaitan SPKA yang dibekalkan oleh Syarikat.
- 1.9 **"Platform Digital"** bermaksud infrastruktur atau persekitaran berasaskan perisian dalam talian yang memudahkan interaksi, transaksi, dan perkongsian kandungan antara pengguna dan pihak ketiga.
- 1.10 **"Pelanggan"** bermaksud orang atau badan yang melanggan SPKA dengan Syarikat bagi mematuhi kehendak undang-undang.
- 1.11 **"Perjanjian"** bermaksud Perjanjian operasi SPKA yang dikendalikan oleh Syarikat kepada Pelanggan untuk pelaksanaan SPKA.
- 1.12 **"Pihak-Pihak"** bermaksud entiti yang terlibat di dalam Perjanjian ini, merangkumi Syarikat, Pelanggan dan **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 1.13 **"Person In Charge (PIC)"** merujuk kepada individu yang dilantik dan dipertanggungjawabkan oleh pemilik Premis untuk SPKA yang disambungkan terus ke JBPM.
- 1.14 **"Premis"** bermaksud bangunan yang ditetapkan oleh undang-undang memerlukan SPKA dipasang untuk beroperasi.



- 1.15 "**Port LAN**" bermaksud satu soket fizikal pada peranti rangkaian yang membolehkan peranti berhubung, berkongsi data dan mengakses internet pada kelajuan tinggi dan stabil.
- 1.16 "**SPKA**" bermaksud Sistem Pengawasan Kebakaran Automatik yang membolehkan penghantaran isyarat kecemasan kebakaran dihantar secara automatik ke JBPM.
- 1.17 "**Sistem Penggera Kebakaran**" bermaksud peralatan penggera kebakaran, sistem pengesanan kebakaran, *Main Fire Alarm Panel* (MFAP), dan sistem pemadam kebakaran yang dipasang di bangunan atas kehendak undang-undang, dimiliki dan diselenggarakan oleh Pelanggan.
- 1.18 "**Tempoh**" bermaksud tempoh sah Perjanjian ini seperti yang dinyatakan dalam Klausula 4.
- 1.19 "**Wi-Fi**" bermaksud rangkaian tanpa wayar yang membolehkan peranti seperti komputer dan peranti IoT berhubung ke Internet dan/atau bertukar data.

2. PELANTIKAN SYARIKAT

- 2.1 SPKA adalah sistem yang menyambungkan secara automatik ke JBPM untuk menyampaikan isyarat kecemasan kebakaran dan membolehkan JBPM mendapatkan maklumat awal tentang kecemasan kebakaran yang berlaku di premis Pelanggan.
- 2.2 Syarikat bersetuju untuk memberikan perkhidmatan SPKA selaras dengan Perjanjian ini serta kehendak dan garis panduan yang ditetapkan oleh **KERAJAAN MALAYSIA**.



- 2.3 Tiada apa-apa dalam Perjanjian ini boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan hubungan perkongsian, usaha sama atau agensi antara Pihak-Pihak selain daripada hubungan kontrak sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata.
- 2.4 Syarikat berhak untuk menaik taraf sistem bagi meningkatkan perkhidmatan dan boleh mengenakan caj tambahan dengan persetujuan **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 2.5 Syarikat juga berhak untuk menaik taraf sistem jika difikir perlu tanpa mengenakan sebarang caj tambahan kepada Pelanggan tetapi perlu memaklumkan terlebih dahulu sebarang tindakan menaik taraf sistem tersebut kepada Pelanggan dan pihak **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 2.6 Pelanggan hendaklah memastikan Premis berada dalam keadaan bersedia untuk melaksanakan pengurusan perubahan (*change management*) termasuk kepada: -
- (i) penyediaan infrastruktur sokongan seperti bekalan kuasa (*e.g. Essential Power Supply*), rangkaian komunikasi (*LAN Cabling Networking*) dan pindahan data Pelanggan kepada Syarikat;
 - (ii) pemasangan, penggantian atau naik taraf peralatan, sensor atau peranti berkaitan SPKA;
 - (iii) penyesuaian proses operasi dan prosedur dalaman bangunan; dan
 - (iv) pematuhan kepada spesifikasi teknikal atau keperluan baharu yang ditetapkan oleh Syarikat.
- 2.7 Sebarang kegagalan Pelanggan untuk melaksanakan keperluan pengurusan perubahan, menaik taraf sistem yang boleh menjejaskan keberkesanan SPKA, kegagalan tersebut tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas Syarikat bagi sebarang kelewatan, kegagalan fungsi sistem atau implikasi undang-undang yang berpunca daripada kegagalan tersebut.



3. SKOP PERKHIDMATAN

- 3.1 Syarikat hendaklah membekalkan, memasang, mengkonfigurasi, dan menguji SPKA bagi memenuhi keperluan undang-undang di premis Pelanggan.
- 3.2 Syarikat hendaklah menyediakan akses kepada Pelanggan ke *platform digital* SPKA termasuk aplikasi mudah alih, papan pemuka web (di mana berkenaan), dan *hotline* sokongan teknikal.
- 3.3 Syarikat hendaklah membekalkan satu kad sim dari mana-mana perkhidmatan telekomunikasi di Malaysia bagi tujuan SPKA dapat mengakses ke internet jika keadaan Port LAN tidak dapat berfungsi, mengalami gangguan teknikal atau rosak bagi tujuan operasi SPKA.
- 3.4 Syarikat hendaklah menjalankan mesyuarat pra-pemasangan di antara pihak Syarikat dan Pelanggan sebelum pemasangan SPKA dilaksanakan.
- 3.5 Pihak **Kontraktor**, panel penggera kebakaran, pembekal, perunding, dan (PIC) perlu turut serta di dalam mesyuarat pra-pemasangan tersebut atas permintaan atau budi bicara pihak Pelanggan.
- 3.6 Pada waktu pemasangan, konfigurasi, dan pengujian SPKA, Syarikat hendaklah menganjurkan satu sesi persediaan awal dan pengujian kepada wakil-wakil yang ditetapkan oleh Pelanggan berdasarkan **Lampiran 2**.
- 3.7 Syarikat boleh mengenakan caj terhadap Pelanggan sekiranya terdapat permintaan Pelanggan untuk sesi latihan tambahan bagi penggunaan atau/
- 3.8 dan pengendalian SPKA tertakluk kepada ketersediaan Syarikat dan cas yang bakal dikenakan adalah berdasarkan **Lampiran 4**.



- 3.9 Syarikat hendaklah menyediakan pemantauan berterusan, sokongan penyelenggaraan, ujian kesediaan, dan bantuan teknikal yang diperlukan oleh Pelanggan untuk memastikan SPKA berfungsi dengan baik sepanjang Tempoh Perjanjian.
- 3.10 Pemasangan SPKA di premis Pelanggan akan dijalankan sebaik sahaja yuran pemasangan dan langganan dibayar oleh Pelanggan menggunakan gerbang KPKTHub dan diterima oleh Syarikat.
- 3.11 Tempoh masa untuk pemasangan SPKA oleh Syarikat adalah seperti berikut:
- (i) Bagi Premis di Semenanjung Malaysia, dalam **30 hari** selepas pembayaran penuh diterima oleh Syarikat; dan
 - (ii) Bagi Premis di Sabah, Sarawak dan Labuan, dalam **45 hari** selepas pembayaran penuh diterima oleh Syarikat.

4. TEMPOH PERJANJIAN

- 4.1 Perjanjian ini akan kekal berkuat kuasa selama **24 bulan**, bermula pada 00/00/0000 dan tamat pada 00/00/0000 ("Tempoh").

5. HAD TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

- 5.1. Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan semua perkakasan dan perisian yang dipasang di premis Pelanggan adalah dalam keadaan baik, diselenggara agar operasi SPKA dapat berjalan dengan lancar.
- 5.2. Syarikat tidak akan menanggung liabiliti bagi sebarang kerosakan fungsi, gangguan atau kegagalan SPKA yang disebabkan oleh: -



- (i) Gangguan, manipulasi, ubah-suai atau campur tangan pihak Pelanggan dan/atau ketiga tanpa kebenaran;
 - (ii) Penyalahgunaan dan kecuaiian oleh pihak Pelanggan dan/atau pihak ketiga;
 - (iii) Kerosakan akibat vandalisme, kilat, ribut, litar pintas, banjir, atau bencana alam; atau
 - (iv) Faktor-faktor yang berada di luar kawalan dan tanggungjawab pihak Syarikat seperti gangguan pada atau terputusnya capaian Internet yang disebabkan oleh pihak telekomunikasi dan gangguan pada bekalan elektrik di Premis Pelanggan.
- 5.3. Syarikat bertanggungjawab memastikan SPKA yang dibekal mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 5.4. Syarikat hendaklah menerangkan secara bertulis kepada Pelanggan berhubung keperluan penyediaan pautan akses CCTV secara langsung ke KPKTHub. Syarikat adalah dilarang sama sekali daripada mengakses, memantau atau mengawal sistem CCTV milik Pelanggan dalam apa jua keadaan.
- 5.5. Syarikat hendaklah memastikan Pelanggan telah mengemukakan suatu surat rasmi pemakluman pelepasan tanggungjawab kepada **KERAJAAN MALAYSIA**, sekiranya Pelanggan enggan memasang CCTV. Kegagalan Pelanggan untuk berbuat demikian tidak akan mengecualikan Pelanggan daripada sebarang liabiliti berkaitan CCTV. Surat tersebut hendaklah dimuat naik oleh Syarikat ke dalam portal KPKTHub sebagai rekod rasmi.



6. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN TERHADAP SPKA

- 6.1 Pelanggan bertanggungjawab untuk membenarkan wakil Syarikat memasuki premis dalam melaksanakan penyelenggaraan berkala (jika perlu) termasuk menaik taraf sistem dan perkakasan, menguji dan lain-lain perkara yang diperlukan berkaitan dengan SPKA.
- 6.2 Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan Sistem Penggera Kebakaran mematuhi piawaian pihak **KERAJAAN MALAYSIA** dan sedia untuk diintegrasikan dengan SPKA yang akan dipasang oleh Syarikat.
- 6.3 Pelanggan hendaklah, atas kos sendiri, menyediakan satu **Port LAN** dengan akses Internet yang aktif dan stabil kepada SPKA.
- 6.4 Pelanggan hendaklah, di atas kos sendiri, menyediakan **satu (1) titik bekalan kuasa 240V AC dalam jarak dua (2) meter dari SPKA.**
- 6.5 Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan tidak berlakunya kerosakan, pengubahsuaian dan/atau kegagalan fungsi pada SPKA yang ada di premis sepanjang tempoh langganan.
- 6.6 Pelanggan hendaklah memastikan bahawa panel penggera kebakaran tidak rosak dan berfungsi sepenuhnya, semasa hari pengujian, pemasangan dan sepanjang tempoh operasi SPKA.
- 6.7 Pelanggan bertanggungjawab menyediakan maklumat yang telah dikemaskini, dengan tepat iaitu PIC yang diberi kuasa termasuk nama, jawatan dan nombor telefon untuk dihubungi pada waktu kecemasan.
- 6.8 Pelanggan bertanggungjawab untuk memberikan kerjasama yang sewajarnya kepada **KERAJAAN MALAYSIA** bagi pelaksanaan sebarang bancian, kaji selidik atau penilaian yang dijalankan berhubung keberkesanan SPKA, apabila perlu.



7. PILIHAN PEMASANGAN CCTV KEPADA PELANGGAN

- 7.1. Pelanggan adalah digalakkan dan diberi pilihan untuk memasang sekurang-kurangnya **tiga (3) unit CCTV** di atas kos sendiri termasuk pembekalan, pemasangan, penyelenggaraan dan pengoperasian, yang tidak termasuk dalam kos langganan SPKA.
- 7.2. Pelanggan hendaklah mengemukakan suatu surat rasmi pemakluman pelepasan tanggungjawab kepada **KERAJAAN**, sekiranya Pelanggan enggan memasang CCTV. Kegagalan Pelanggan untuk berbuat demikian tidak akan mengecualikan Pelanggan daripada sebarang liabiliti berkaitan CCTV.
- 7.3. Pemasangan CCTV tersebut hendaklah meliputi lokasi-lokasi strategik Premis seperti berikut:
- (i) Bahagian hadapan Premis termasuk pandangan menyeluruh dari sudut atas yang bersesuaian dengan struktur bangunan, bagi tujuan pemantauan akses utama, pergerakan individu serta aktiviti di kawasan strategik Premis;
 - (ii) Bahagian belakang Premis; dan
 - (iii) Di kedudukan sudut yang tepat dan jelas menghala kepada panel penggera kebakaran dan juga SPKA.
- 7.4. Sekiranya Premis telah dilengkapi dengan sistem CCTV yang sedia ada, Pelanggan hendaklah memastikan sistem tersebut mematuhi lokasi, sudut dan fungsi sebagaimana dinyatakan dalam **Klausu 7**, serta memberi akses yang munasabah kepada Syarikat bagi tujuan pengintegrasian dengan SPKA untuk pemantauan, penilaian, tindakan dan pengesahan kebakaran oleh JBPM.



- 7.5. Sekiranya pilihan ini diterima, Pelanggan perlu mengakui dan bersetuju bahawa pemakaian CCTV dalam pengesanan kebakaran adalah satu keperluan operasi Kebombaan, bantuan penyelamatan, penyiasatan kebakaran, hal-hal perundangan Kebombaan, dan kepentingan tuntutan insuran sewaktu berlakunya insiden kebakaran.
- 7.6. Sekiranya sesebuah Premis, memiliki CCTV sedia ada yang tidak berfungsi, usang, dan tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, atau; tidak memiliki apa-apa CCTV atau; sekiranya Pelanggan berhasrat untuk memasang CCTV yang baharu untuk menyokong pengesanan kebakaran yang lebih berkesan, Pelanggan boleh melantik mana-mana pembekal CCTV yang bertauliah. Spesifikasi CCTV juga perlu mengikut keperluan SPKA seperti di **Lampiran 5**.
- 7.7. Bagi Premis yang berhasrat untuk memilih Syarikat untuk melaksanakan pemasangan CCTV, Pelanggan boleh menghubungi Syarikat terus untuk mendapatkan khidmat nasihat dan perkhidmatan tambah nilai, tertakluk kepada garis panduan dan spesifikasi yang terkandung dalam **Lampiran 5** sebagai rujukan utama.

8. TANGGUNGJAWAB PELANGGAN SEWAKTU KECEMASAN

- 8.1. Pelanggan bertanggungjawab memastikan PIC yang diberi kuasa bertindak balas dengan kadar segera dan tepat mengikut arahan dalam manual operasi yang diedarkan dan ditetapkan oleh Syarikat dalam Perjanjian ini di **Lampiran 2**.
- 8.2. **KERAJAAN MALAYSIA** akan melaksanakan penguatkuasaan undang-undang termasuk mengenakan penalti bagi perkara berikut:



- (i) Pihak Pelanggan tidak memperbaharui Perjanjian SPKA mengikut masa yang ditetapkan sehingga menyebabkan sambungan SPKA terganggu; atau
 - (ii) Faktor perbuatan manusia seperti vendelisma, kecuaiian yang menyebabkan mengaktif atau mendiaktifkan penggera kebakaran dengan sengaja selain kecemasan kebakaran atau apa-apa pengabaian atau kelalaian menyebabkan SPKA tidak berfungsi.
- 8.3. Pelanggan bertanggungjawab memastikan semua Data Peribadi yang disediakan berkaitan Premis adalah tepat, sah dan dikemaskini pada setiap masa dalam laman web SPKA yang akan disediakan oleh Syarikat.

9. YURAN LANGGANAN OLEH PELANGGAN

- 9.1. Kadar Yuran Langganan Tahunan yang perlu dibayar oleh Pelanggan adalah seperti yang tertera di **Lampiran 3** Perjanjian ini.
- 9.2. Semua yuran langganan hendaklah dibayar Pelanggan dalam tempoh **30 hari** dari tarikh invois dikeluarkan dan bayaran langganan tersebut perlu dibuat sebelum sebarang kerja pemasangan SPKA dijalankan.
- 9.3. Kegagalan Pelanggan membuat pembayaran boleh mengakibatkan penangguhan dalam pemasangan SPKA oleh Syarikat dan tindakan penguatkuasaan akan diambil oleh **KERAJAAN MALAYSIA** mengikut peraturan dan undang-undang berkaitan.
- 9.4. Penalti akan ditetapkan oleh pihak **KERAJAAN MALAYSIA** dan kadar tersebut adalah tertakluk kepada peraturan dan undang-undang semasa.



10. PEMILIKAN PERKAKASAN SPKA

- 10.1. Selepas tamat Tempoh Perjanjian ini, Pihak-Pihak bersetuju bahawa semua aset yang berkaitan SPKA di Premis Pelanggan hendaklah menjadi milik Pelanggan sepenuhnya.

11. HAD TUNTUTAN DAN LIABILITI

- 11.1. Jumlah liabiliti agregat Syarikat yang ditetapkan dalam Perjanjian ini tidak boleh melebihi jumlah yuran langganan yang telah dibayar oleh Pelanggan untuk Tempoh Perjanjian ini di bawah Klausa 4 atau setakat yang dibenarkan di bawah undang-undang dan peraturan berkaitan.

12. WARANTI

- 12.1. Jika berlaku kerosakan ke atas peralatan dan perkakasan yang tidak boleh diperbaiki di lokasi Premis Pelanggan, Syarikat hendaklah memastikan suatu peralatan alternatif yang sama kapasitinya dibekalkan kepada Premis Pelanggan sebagai gantian sementara kerja pembaikan tersebut dijalankan **tanpa sebarang kos tambahan** kepada Premis Pelanggan dalam tempoh masa **24 jam**.
- 12.2. Peralatan SPKA diberi jaminan pengilang yang sah selama **dua puluh empat (24) bulan** dari tarikh pemasangan.
- 12.3. Waranti tidak meliputi:
- (i) Barangan haus dan lusuh;
 - (ii) Kerosakan akibat kilat, bencana alam seperti banjir dan/atau gempa bumi;
 - (iii) Lonjakan elektrik, kegagalan kuasa;



- (iv) Penyalahgunaan, kecuaiian atau perbuatan sengaja pihak Pelanggan dan/atau pihak ketiga; dan
- (v) Pembaikan secara sendiri atau dari pihak ketiga oleh Pelanggan.

13. PENAMATAN PERJANJIAN OLEH PELANGGAN ATAU SYARIKAT

- 13.1. Perjanjian yang ditandatangani antara Syarikat dan Pelanggan tidak boleh dibatalkan untuk tempoh **24 bulan**.
- 13.2. Pihak Pelanggan dalam tempoh **enam puluh (60) hari** sebelum tamat Tempoh Perjanjian perlu memberi notis bertulis kepada Syarikat sama-ada ingin meneruskan dan menyambung atau menamatkan Perjanjian tersebut.
- 13.3. Sekiranya tiada notis bertulis penamatan Perjanjian diterima oleh pihak Syarikat dalam tempoh **enam puluh (60) hari** sebelum Perjanjian ini tamat maka Perjanjian ini akan diperbaharui dengan persetujuan Pelanggan untuk tempoh **24 bulan yang berikutnya** berdasarkan syarat dan terma yang sama di dalam Perjanjian ini.

14. KEADAAN YANG MEMBOLEHKAN PERJANJIAN OLEH PELANGGAN ATAU SYARIKAT TERBATAL

- 14.1. Perjanjian ini boleh dibatalkan oleh mana-mana pihak dengan serta-merta melalui notis bertulis jika:
 - (i) Perjanjian menjadi tidak sah akibat perubahan undang-undang, peraturan atau arahan **KERAJAAN MALAYSIA** yang berkenaan;
 - (ii) Pelanggan telah disahkan mufliis melalui perintah Mahkamah;
 - (iii) Perubahan pemilikan premis; dan



- (iv) Keadaan di mana bangunan Pelanggan tidak lagi diklasifikasikan sebagai premis.

15. KESAN PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN SYARIKAT

- 15.1. Perjanjian ini akan berkuatkuasa serentak dengan Perjanjian Syarikat dengan **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 15.2. Jika Perjanjian di antara **KERAJAAN MALAYSIA** dan Syarikat ditamatkan atau tamat tempoh, Perjanjian ini akan tamat secara automatik dan Syarikat hendaklah memaklumkan Pelanggan secara bertulis dalam tempoh **empat belas (14) hari** selepas menerima notis penamatan atau tamat tempoh sedemikian daripada **KERAJAAN MALAYSIA**.
- 15.3. Syarikat hendaklah membayar balik Pelanggan baki yuran penyelenggaraan secara pro-rata dengan mengambil kira jumlah tempoh langganan yang ada.

16. KERAHSIAAN

- 16.1. Pelanggan tidak boleh memberi salinan Perjanjian kepada mana-mana pihak ketiga tanpa mendapatkan keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat.

17. DUTI SETEM DAN CUKAI BAHARU

- 17.1. Pelanggan hendaklah menanggung setem duti untuk Perjanjian ini dan apa-apa cukai baharu yang diperkenal oleh pihak **KERAJAAN MALAYSIA** selepas Perjanjian ini dimeterai dengan pihak Pelanggan, maka cukai tersebut akan diambil kira sebagai tambahan dalam yuran langganan SPKA.



18. PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- 18.1. Pelanggan dan Syarikat bersetuju bahawa semua pemprosesan Data Peribadi hendaklah dijalankan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**PDPA**") dan mana-mana perundangan kecil, garis panduan atau pindaan yang dikeluarkan di bawahnya.
- 18.2. Pelanggan dengan ini memberikan keizinan kepada Syarikat untuk mengumpul, memproses, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi untuk tujuan berikut sahaja:-
- (i) Penyediaan dan pentadbiran perkhidmatan SPKA;
 - (ii) Komunikasi dengan **KERAJAAN MALAYSIA**;
 - (iii) Pemantauan sistem, pemberitahuan amaran, pelaporan, pematuhan dan penyimpanan rekod; dan
 - (iv) Sebarang tujuan yang berkaitan secara munasabah dengan pelaksanaan Perjanjian ini.
- 18.3. Syarikat hendaklah melaksanakan langkah keselamatan pentadbiran, teknikal dan fizikal yang munasabah untuk melindungi Data Peribadi daripada kehilangan, penyalahgunaan, akses tanpa kebenaran, pendedahan, perubahan atau kemusnahan mengikut piawaian industri dan prinsip keselamatan PDPA.
- 18.4. Pelanggan mewakili dan menjamin bahawa ia telah memperoleh semua keizinan yang diperlukan daripada kakitangan dan orang yang diberi kuasa yang Data Peribadi mereka disediakan kepada Syarikat, termasuk butiran pegawai bertugas, nombor telefon dan maklumat pengenalan diri, untuk tujuan yang dinyatakan di sini.



- 18.5. Syarikat tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran PDPA yang timbul daripada Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, lapuk atau tanpa kebenaran yang dibekalkan oleh Pelanggan.
- 18.6. Data Peribadi hanya akan disimpan selama yang diperlukan untuk memenuhi tujuan Perjanjian ini atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

19. **FORCE MAJEURE**

- 19.1. Tiada Pihak akan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pelaksanaan kewajipannya di bawah Perjanjian ini di mana kegagalan atau kelewatan sedemikian disebabkan oleh peristiwa di luar kawalan munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada punca semulajadi seperti, banjir, kebakaran, ribut, kilat, gempa bumi, wabak, pandemik, perang, keganasan, rusuhan, pertikaian buruh, kegagalan kuasa, kegagalan rangkaian telekomunikasi atau sebarang peristiwa serupa kejadian "*Force Majeure*".
- 19.2. Pihak yang terjejas hendaklah memaklumkan Pihak lain secara bertulis secepat yang munasabah praktikal setelah berlakunya kejadian "*Force Majeure*" dan hendaklah menggunakan usaha munasabah untuk mengurangkan kesan peristiwa tersebut.
- 19.3. Semasa kejadian "*Force Majeure*", kewajipan Pihak yang terjejas akan digantung setakat yang terjejas oleh kejadian "*Force Majeure*" tersebut, dan masa untuk pelaksanaan akan dilanjutkan sewajarnya.
- 19.4. Jika SPKA atau mana-mana peralatan rosak atau tidak boleh beroperasi akibat kejadian "*Force Majeure*", maka kos pembaikan atau penggantian hendaklah ditanggung oleh Pelanggan.



- 19.5. Kejadian "*Force Majeure*" tidak memberi hak kepada Pelanggan untuk menggantung, menangguh atau menahan kewajipan pembayaran yuran-yuran yang telah ditetapkan.

20. UNDANG-UNDANG YANG TERPAKAI DAN BIDANG KUASA

- 20.1 Perjanjian ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.
- 20.2 Sebarang pertikaian berkaitan Perjanjian ini hendaklah diselesaikan secara rundingan terlebih dahulu antara Pihak-Pihak. Jika sebarang penyelesaian tidak dicapai, Pihak-Pihak hendaklah melantik pihak ketiga yang dipersetujui bersama bagi memberi penyelesaian terhadap pertikaian tersebut. Sekiranya rundingan atau penyelesaian melalui pihak ketiga gagal dicapai, mana-mana pihak berhak untuk membawa isu yang masih tergantung ke Mahkamah atau melalui timbang tara untuk penentuan lanjut.

21. KEBOLEHASINGAN

- 21.1 Jika mana-mana peruntukan dalam Perjanjian ini didapati menyalahi undang-undang atau tidak sah di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan-peraturan yang mempunyai kesan dan terpakai dalam Tempoh Perjanjian ini, peruntukan tersebut hendaklah diasingkan sepenuhnya dan Perjanjian ini hendaklah ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang menyalahi undang-undang atau tidak sah itu tidak pernah terkandung sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini dan peruntukan-peruntukan lain Perjanjian ini hendaklah terus berkuat kuasa dan berkesan sepenuhnya dan tidak terkesan oleh peruntukan yang salah atau tidak sah itu atau oleh pemisahan peruntukan itu daripada Perjanjian ini.



22. PERJANJIAN PENUH

- 22.1 Perjanjian ini merupakan Perjanjian penuh di antara pihak Syarikat dan Pelanggan.
- 22.2 Pelanggan dan Syarikat perlu menandatangani Perjanjian ini dalam tempoh **empat belas (14) hari** bekerja selepas Perjanjian ini diterima oleh pihak Pelanggan.
- 22.3 Tiada pindaan yang dibuat akan menjadi sah melainkan terdapat arahan berkaitan daripada pihak **KERAJAAN MALAYSIA**.

23. HUBUNGAN PIHAK-PIHAK

- 23.1 Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini yang akan boleh ditafsirkan sebagai mewujudkan perkongsian, usaha sama atau hubungan majikan dan pekerja antara Pihak-Pihak.
- 23.2 Pihak-Pihak adalah **Kontraktor** bebas dan bertindak atas kapasiti masing-masing.

(RUANGAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)




HALAMAN TANDATANGAN

SEBAGAI SAKSI, Pihak-Pihak telah melaksanakan Perjanjian ini pada tarikh yang tersebut di atas:-

Untuk dan bagi pihak
[Syarikat Pelanggan]

Disaksikan oleh


Untuk dan bagi pihak
CRYSTAL SOLARIS SDN. BHD.
[NO. SYARIKAT: 201401040324 (1116472-H)]



SOFIAN SYBIL SHAH
CEO

Disaksikan oleh





EYE DIRECTOR.
DATUK CHAM NONGAL HAP.



LAMPIRAN 1
UNDANG-UNDANG BERKENAAN
AKTA 341
AKTA PERKHIDMATAN BOMBA 1988

BAHAGIAN V
PERAKUAN BOMBA

27. Kuasa Ketua Pengarah untuk menentukan dan menetapkan penggunaan, saiz, atau tempat, tertentu sesuatu Premis.

- (1) Ketua Pengarah boleh melalui perintah yang disiarkan dalam Warta menentukan dan menetapkan penggunaan, saiz, atau tempat, tertentu Premis bagi maksud pengeluaran perakuan bomba di bawah Akta ini.
- (2) Jika suatu bahagian mana-mana Premis menjadi Premis ditetapkan, maka mana-mana bahagian lain Premis tersebut hendaklah dikira sebagai menjadi sebahagian Premis ditetapkan itu.

BUILDING SARAWAK ORDINANCE (SBO) 1994

Interpretation

2.—(1) In this Ordinance—

“building” includes any house, hut, shed or roofed enclosure, whether used for the purpose of human habitation or otherwise, and also any wall, fence, platform, septic tank, underground tank, staging, gate, post, pillar, paling, frame, hoarding, slip, dock, wharf, pier, jetty, landing-stage, swimming pool, bridge, railway lines, transmission lines or tower, cables, rediffusion lines, overhead or underground pipelines, or any other structure, support or foundation;



**PERUNDANGAN SUBSIDIARI PERSEKUTUAN
AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974 [AKTA 133]
G.N.5178/84**

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM 1984

**BAHAGIAN IX
PELBAGAI**

UUK 254. Bangunan-bangunan yang Bahagian VII dan VIII terpakai baginya.

Bangunan yang pada tarikh mula berkuat kuasanya Undang-Undang Kecil ini telah didirikan, atau sedang didirikan atau belum didirikan tetapi pelan-pelan telah dikemukakan dan diluluskan, dan yang mengikut undang-undang kecil 134 tergolong dalam Kelas Tempat perhimpunan, Kedai, Pejabat, Kediaman dan bangunan lain yang melebihi 18.5 meter dan bangunan-bangunan yang dikelaskan sebagai berbahaya atau mempunyai risiko khas hendaklah diubahsuai atau diubah untuk mematuhi Bahagian VII dan VIII Undang-Undang Kecil ini dalam masa;

- (a) satu tahun daripada tarikh Undang-undang Kecil ini mula berkuat kuasa dalam hal bangunan-bangunan hingga tiga tingkat; dan
- (b) tiga tahun daripada tarikh Undang-Undang Kecil ini mula berkuat kuasa dalam hal bangunan yang melebihi tiga tingkat.



LAMPIRAN 2
PENTADBIRAN OPERASI SPKA

1. Pelantikan Orang Yang Dipertanggungjawabkan (PIC) Bangunan

- a. Pelanggan hendaklah melantik dua (2) orang (PIC) yang diberi kuasa bagi setiap Premis pada setiap masa.
- b. Setiap PIC hendaklah:
 - i. Menjadi pekerja atau wakil yang diberi kuasa oleh Pelanggan;
 - ii. Boleh dihubungi pada setiap masa semasa operasi bangunan;
 - iii. Bersedia, tepat dan beroperasi untuk bertindak balas terhadap amaran SPKA.
- c. Pelanggan akan memastikan butiran maklumat PIC yang diberikan kepada Syarikat adalah tepat, terkini dan beroperasi pada setiap masa.
- d. Penukaran PIC hendaklah dikemaskini dalam laman web SPKA Syarikat oleh Pelanggan sendiri.

2. Protokol Pemberitahuan Amaran dan Komunikasi SPKA

- a. Pelanggan digalakkan menyediakan Matriks Punca & Kesan Penggera Kebakaran untuk perbincangan semasa Mesyuarat Pra-Pemasangan.
- b. Pelanggan hendaklah menyediakan Isyarat Penggera Kebakaran berikut dalam bentuk *Relay Dry Contact* mengikut jenis Sistem Penggera Kebakaran berikut:
 - i. Penggera Kebakaran Konvensional
 1. Kegagalan AC – *AC Fail*
 2. Kesalahan Biasa – *General Fault*
 3. Pengesan (**Jika ada**) (Semua Zon) – *Detector (All Zones)*
 4. Titik Panggilan (Semua Zon) – *Call Point (All Zones)*



5. Suis Aliran (Semua Zon) – *Flow Switch (All Zones)*
 6. Sistem Kebakaran Khas (**Jika ada**) (Semua Zon) – *Special Hazards Systems (All Zones)*
- ii. Penggera Kebakaran “Addressable”
1. Kegagalan AC – *AC Fail*
 2. Kesalahan Biasa – *General Fault*
 3. Pengesan (**Jika ada**) (Semua Zon) – *Detector (All Zones)*
 4. Titik Panggilan (Semua Zon) – *Call Point (All Zones)*
 5. Suis Aliran (Semua Zon) – *Flow Switch (All Zones)*
 6. Sistem Kebakaran Khas (**Jika ada**) (Semua Zon) – *Special Hazards Systems (All Zones)*
 7. Ketukan Berganda (Semua Zon) – *Double Knock (All Zones)*
- c. Apabila Panel Penggera Kebakaran Utama (“MFAP”) diaktifkan, bergantung kepada jenis isyarat seperti yang dikelaskan, urutan pemberitahuan berikut akan berlaku: -
- i. PIC akan menerima notifikasi melalui Aplikasi Mudah Alih yang dijana melalui AI; dan
 - ii. Jika tidak ada tindak balas selepas 120 saat, PIC akan menerima panggilan pengesahan AI secara automatik daripada SPKA.
- d. Pelanggan mengakui bahawa: -
- i. Sama ada PIC 1 atau PIC 2 boleh dihubungi; dan
 - ii. Kegagalan untuk bertindak balas dengan segera merupakan pelanggaran operasi yang serius.



3. Kewajipan Tindak Balas PIC

- a. Apabila menerima notifikasi SPKA, PIC hendaklah memberi maklum balas segera melalui Aplikasi Mudah Alih SPKA dengan memilih status yang berkenaan, termasuk: -
 - i. Amaran Benar disertai dengan butiran; atau
 - ii. Amaran Palsu disertai dengan butiran.
- b. Jika tindak balas tidak diterima dalam tempoh 120 saat, SPKA akan memulakan panggilan pengesahan AI secara automatik kepada PIC.
- c. Jika SPKA tidak menerima sebarang tindak balas daripada mana-mana PIC dalam tempoh 180 saat, sama ada melalui aplikasi mudah alih atau panggilan telefon AI secara automatik, SPKA akan melaporkan amaran tersebut sebagai Amaran benar terus kepada JBPM tanpa rujukan lanjut kepada Pelanggan.

4. Prosedur Latihan Kebakaran

- a. Apabila Premis mengadakan latihan kebakaran (*Fire Drill*), tanggungjawab PIC adalah: -
 - i. Tukar mod SPKA daripada "*LIVE*" kepada "*FIRE DRILL*";
 - ii. Dalam mod "*FIRE DRILL*", tidak ada amaran yang bercetus dalam panel penggera kebakaran akan dihantar kepada JBPM; dan
 - iii. PIC diwajibkan untuk menukar mod SPKA daripada "*FIRE DRILL*" kepada "*LIVE*" selepas latihan kebakaran (*Fire Drill*).

5. Tanggungjawab dan Liabiliti Pelanggan

- a. Pelanggan mengakui bahawa:
 - i. Ketepatan klasifikasi amaran bergantung pada tindak balas PIC;



- ii. Kegagalan, kelewatan, kecuaiian atau pemberian maklumat salah oleh PIC boleh mengakibatkan penalti yang dikenakan oleh **KERAJAAN MALAYSIA**.
- b. Pelanggan hendaklah menanggung tanggungjawab penuh untuk:
- i. Sebarang penalti, kompaun atau tindakan penguatkuasaan yang dikenakan oleh JBPM berikutan amaran palsu, kegagalan bertindak balas atau kecuaiian operasi; dan
 - ii. Sekiranya Syarikat menyelesaikan sebarang penalti sedemikian bagi pihak Pelanggan. Syarikat berhak membuat tuntutan kembali daripada pihak Pelanggan.

6. Latihan

- a. Pelanggan dikehendaki memahami bahawa:
- i. Taklimat awal dan penerangan operasi akan dijalankan pada masa pemasangan dan kelulusan SPKA di Premis Pelanggan.
 - ii. Sebarang latihan susulan, latihan semula, taklimat penyegaran semula atau penerangan tambahan yang diminta oleh Pelanggan:
 - 1. Akan tertakluk kepada ketersediaan dan jadual Syarikat; dan
 - 2. Jika diminta untuk berada di lokasi, akan dikenakan bayaran sewajarnya dalam **Lampiran 4**.



LAMPIRAN 3

YURAN PEMASANGAN & LANGGANAN SPKA SENARAI HARGA (WAJIB)

TAHUN PERTAMA & PEMASANGAN BAHARU

1. Peranti "SPKA"

Semenanjung Malaysia **RM 4,500.00**

Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **RM 4,750.00**

Bekal dan pasang Satu (1) unit SPKA

Kos ini termasuk:

- A. Kos pemasangan panel SPKA
- B. Perkhidmatan Telco GSM dan SMS
- C. 1 x Mesyuarat pra-pemasangan dan taklimat keperluan
- D. 1 x Taklimat di lokasi selepas pemasangan
- E. 1 x Pendaftaran PIC dan persediaan Aplikasi Mudah Alih
- F. Jaminan SPKA sepanjang Tempoh Perjanjian
- G. Pemantauan SPKA & Sokongan Pelanggan Atas Talian

UNTUK TAHUN KE-2 DAN PEMBAHARUAN

1. **Langganan Tahunan SPKA** **RM 2,500.00**

Kos ini termasuk:

- A. Jaminan SPKA sepanjang Tempoh Perjanjian
- B. Pemantauan SPKA & Sokongan Pelanggan Atas Talian

Nota: Harga yang dinyatakan pada Lampiran 3 adalah tidak termasuk cukai kerajaan.



LAMPIRAN 4

JADUAL KADAR HARGA PERKHIDMATAN SELAIN YURAN PEMASANGAN DAN LANGGANAN

NO	PERKARA	HARGA (RM)	
		SEMENANJUNG MALAYSIA	SABAH, SARAWAK, LABUAN
1	KOS PERJALANAN	BERDASARKAN KOS PERBATUAN	BERDASARKAN KOS PERBATUAN
2	PANEL GANTIAN SPKA TERMASUK BEKALAN KUASA DAN BATERI	2000.00	2400.00
3	BEKALAN KUASA UNTUK SPKA	400.00	480.00
4	SANDARAN BATERI UNTUK SPKA	100.00	120.00
5	LATIHAN TAMBAHAN DI TAPAK SPKA (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
6	TAMBAHAN PRAPEMASANGAN MESYUARAT ATAU PENTAULIAHAN UNTUK PEMASANGAN BARU SPKA (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
7	KEHADIRAN UNTUK DRILL KEBAKARAN, PEMERIKSAAN BOMBA ATAU PEMERIKSAAN FC (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
8	BUKA & PINDAHKAN PERKAKASAN SPKA (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
9	PEMASANGAN DAN PENTAULIAHAN UNTUK PENGGANTIAN PERKAKASAN SPKA (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
10	LATIHAN SEMULA PERSEDIAAN P.I.C BARU DAN MOBILE ID BARU (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
11	PEMERIKSAAN PENYELENGGARAAN TAPAK DENGAN SISTEM PENGGERA KEBAKARAN (SEHINGGA 2 JAM)	300.00	360.00
12	PENAMBAHAN KAWAD ANTENNA GSM SETIAP METER (SEHINGGA 50 METER)	51.00	60.00
13	LAPORAN DIGITAL PENYELENGGARAAN PENCEGAHAN BULANAN	30.00	30.00
14	LAPORAN PENYELENGGARAAN DIGITAL PENCEGAHAN X 12 BULAN (PERCUMA 1 BULAN)	330.00	330.00
15	PERSONAL PROTECTIVE EQUIPMENT ("PPE")	1,200.00	1,500.00
16	CLOSED CIRCUIT TELEVISION ("CCTV")	Berdasar kepada harga kelulusan KERAJAAN	Berdasar kepada harga kelulusan KERAJAAN
17	LAIN-LAIN KOS YANG DIPERSETUJUI OLEH PELANGGAN KEPADA KONTRAKTOR SPKA	Berdasar kepada harga kelulusan KERAJAAN	Berdasar kepada harga kelulusan KERAJAAN

NOTA:

- i) Perkara 2-4 tidak termasuk pemasangan dan pentauliahan. Untuk digabungkan dengan Perkara 9.
- ii) Perkara 5-12 tidak termasuk kos perjalanan. Untuk digabungkan dengan Perkara 1 bergantung pada lokasi.
- iii) Perkara 8 tidak termasuk penyediaan tapak untuk pemasangan. Penyediaan tapak hendaklah dilakukan oleh pemilik Premis.



- iv) Perkara **17** adalah dibawah persetujuan JBPM dengan serahan dokumen persetujuan Syarikat.
 iv) Perkara **16**, apabila Pelanggan hendak membuat langganan pemasangan CCTV dengan Syarikat dilantik **KERAJAAN MALAYSIA**, permohonan dan kebenaran harga hendaklah berdasarkan kepada kelulusan **KERAJAAN MALAYSIA**.
 v) Harga yang dinyatakan tidak termasuk cukai kerajaan.

PENGIRAAN KOS:

- i) Pengiraan kos perjalanan berdasarkan kadar perbatuan dari *Jabatan Akauntan Malaysia*
 ii) Pengiraan kos buruh berdasarkan kadar buruh dari *JKR PWCIC – Pekerja Mahir*
 iii) Pengiraan kos lanjutan antenna GSM berdasarkan *JKR - Jadual Kadar Kerja Eletrik 2025 Bahagian 1*

CONTOH PENGIRAAN KOS PERJALANAN

	PURATA JARAK PERJALANAN (KM)	KADAR PERBATUAN (RM)	KOS PERBATUAN (RM)	PURATA KOS TOL (RM)	ANGGARAN KOS PERJALANAN (RM)
MALAYSIA BARAT ZON 1 (LEMBAH KLANG)	70.00	0.85	59.50	9.00	68.50
MALAYSIA BARAT ZON 2 (SKUDAI)	640.00	0.85	544.00	90.00	634.00
MALAYSIA TIMUR ZON 1 (KUCHING, KOTA KINABALU)	80.00	0.85	68.00	0.00	68.00
MALAYSIA TIMUR ZON 2 (TAWAU)	900.00	0.85	765.00	0.00	765.00

RUJUKAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
 BAYARAN TUNTUTAN PERJALANAN SEMASA MENJALANKAN TUGAS RASMI DI DALAM NEGERI 31 DISEMBER 2020

CONTOH PENGIRAAN KOS BURUH

	KADAR SEJAM (RM)	JUMLAH WAKTU BEKERJA	MAKANAN (RM)	JUMLAH KOS (RM)
JURUTEKNIK (PENYELIA)	45.00	4	20.00	200.00
JURUTEKNIK (PEMASANG)	20.00	4	20.00	100.00
JUMLAH				300.00

RUJUKAN

JKR - KADAR BURUH PWIC - PEKERJA MAHIR

KOS LANJUTAN ANTENA GSM

	KOS KABEL DENGAN PERLINDUNGAN SETIAP METER (RM)
LANJUTAN ANTENNA GSM (TERMASUK PEMASANGAN)	51.00

RUJUKAN

JKR - JADUAL KADAR KERJA ELETRIK 2025 BAHAGIAN I



LAMPIRAN 5

SPESIFIKASI VIDEO LITAR TERTUTUP (CCTV)

Kamera 1080p & 1296p

- **Resolusi:** Spesifikasi minimum 1080p Full HD atau 1296p (2304×1296) untuk kualiti video yang jelas.
- **Sudut Lensa / Medan Pandangan:** Kira-kira 110°–125° sudut lebar untuk liputan Kawasan yang lebih luas.
- **Kesambungan:** Wi-Fi 802.11 b/g/n (2.4 GHz); sesetengah model turut menyokong 5 GHz.
- **Pengekodan Video:** H.265 (pemampatan cekap untuk penjimatan ruang storan).
- **Storan:** Menyokong kad microSD (bergantung kepada model, kebiasaannya sehingga 128 GB atau 256 GB).
- **Audio Dua Hala:** Mikrofon dan pembesar suara terbina dalam untuk fungsi komunikasi dua hala.
- **Aplikasi Mudah Alih:** Berfungsi dengan aplikasi mudah alih untuk tontonan

